

guaman sebelum perkara yang berkenaan itu diselesaikan dengan muktamad; dan

- (iii) terdapat apa-apa perubahan hal keadaan yang berkaitan dalam masa seseorang menerima bantuan guaman; dan
- (ca) untuk mengawal selia amalan dan tatacara pengantaraan; dan
- (d) apa-apa perkara lain bagi maksud melaksanakan mana-mana peruntukan Akta ini.

**Pemansuhan**

**33.** Ordinan No. 39 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 [*P.U.(A) 257/1970*] adalah dengan ini dimansuhkan.

---

JADUAL PERTAMA

(*Dipotong oleh Akta A1188*)

---

JADUAL KEDUA

[Seksyen 10]

PERIHAL PROSIDING JENAYAH

1. Semua prosiding jenayah yang dalamnya tertuduh yang tidak diwakili oleh peguam mengaku salah kepada pertuduhan dan ingin membuat rayuan untuk meringankan hukuman berkenaan dengannya.
2. Prosiding jenayah di bawah Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 [*Akta 468*]\*.
3. Prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [*Akta 336*].

---

\**CATATAN*—Terpakai hanya bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan—lihat P.U.(B)77/1992. Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 telah dimansuhkan oleh Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*].